

Wacana Religi platform diskusi antara agama

UB 30.11.2017 B2

KOTA KINABALU: Persatuan Mahasiswa Psikologi dan Pendidikan (PERMAPS) menganjurkan Wacana Religi: Mencari Titik Persamaan pada 9 November yang lalu bertempat di Auditorium Perpustakaan UMS.

Objektif utama program ini adalah untuk memberikan peluang diskusi dalam isu-isu kemanusiaan yang membelenggu masyarakat dunia kini, berdasarkan perspektif agama Islam, Hindu dan Kristian.

Tiga panel dijemput mewakili setiap agama iaitu Ustaz Mohd Safwan bin Mohd Rusydi, yang merupakan Imam Rawatib Masjid Al-Ikhwana Taman Kuala Genggatal, Dr Shargunan yang merupakan pakar perubatan dalaman di Hospital Queen Elizabeth dan juga ahli Kuil Pasupathinath di Kota Kinabalu, dan juga Pastor Cyril Evan Justin, yang merupakan *deacon* di SIB



PANEL Wacana Religi ketika melontarkan pendapat mereka.

Taginambur, Kota Belud.

Program yang dihadiri seramai 200 orang pelajar UMS, mengupas isu-isu kemanusiaan seperti kewujudan ekstremis agama, keharmonian antara penganut agama dengan yang lain, pertimbangan keagamaan dengan hak asasi manusia dan perbincangan mengenai perkaitan agama dengan pendidikan dan kemiskinan.

Dalam perbincangan isu-isu ini, wujud titik persamaan seperti tuntutan keharmonian dan tanggungjawab setiap

penganut untuk saling menyayangi antara saudara seagama dan bukan seagama.

Menurut Timbalan Naib Canselor (HEPA), Prof Dr Ismail Ali, bukan sahaja pendekatan komuniti dan praktikal penting dalam menghadapi isu-isu global ketika ini, tetapi platform untuk berdiskusi juga boleh menjadi wadah utama. "Kita dalam negara yang mengamalkan 1 Malaysia seharusnya bersifat terbuka

dalam isu-isu begini," katanya.

Dr Getrude Cosmas, selaku Timbalan Dekan Hal Ehwal Pelajar dan Alumni, Fakulti Psikologi dan Pendidikan mengajak mahasiswa UMS untuk terus memberikan sokongan dan menghadiri majlis ilmu, terutama yang melibatkan perbincangan agama sebegini, memandangkan masyarakat kini mengalami pelbagai kepincangan sosial yang kian meruncing.